

Hubungan Migrasi Dalam dengan Faktor-Faktor Penarik: Kajian Kes di Malaysia

(The Relationship between Internal Migration and its Migration Factors: Case Study in Malaysia)

Nor Ermawati Hussain
Norehan Abdullah
Hussin Abdullah
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Penghijrahan migrasi keluar masuk dari dan ke kawasan destinasi merupakan faktor utama penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri. Bilangan migrasi dalaman di negara ini semakin bertambah disebabkan oleh faktor-faktor penarik migrasi ke kawasan destinasi. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk melihat pengaruh faktor-faktor makro dalam memberi kesan kepada migrasi masuk bagi beberapa kawasan utama di Malaysia. Dengan menggunakan data panel bagi negeri di zon Utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perlis) serta zon barat (Perak, Selangor dan Kuala Lumpur) dari tahun 1980 hingga 2012, hasil kajian mendapati terdapat hubungan jangka panjang yang positif antara pembolehubah migrasi masuk dengan pelaburan domestik bagi negeri Pulau Pinang yang berada dibawah seliaan NCER (kawasan utara. Sementara itu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula dilihat mempunyai hubungan jangka panjang yang positif antara pembolehubah migrasi masuk dengan pelaburan asing.

Kata kunci: Migrasi dalaman; pertumbuhan ekonomi; pelaburan domestic; pelaburan asing

ABSTRACT

In and out migration to the destination areas is the main factor contributing to the economic growth of states. The number of internal migration in states will increase as a result of pull migration factor to the destination areas. Thus, the objective of this study is to determine the effect of macro factors with in-migration of some states in Malaysia. Using panel data for northern region (Kedah, Pulau Pinang and Perlis) and western region (Perak Selangor and Kuala Lumpur) from year 1980 to 2012, the study found the positive relationship in long run between in-migration and domestic investment for Pulau Pinang which is under NCER (northern zone). In contrast, Kuala Lumpur has a positive relationship between in-migration and foreign investment.

Keywords: Internal migration; economic growth; domestic investment; foreign investment

PENGENALAN

Migrasi merupakan pergerakan, perpindahan atau penghijrahan penduduk dari satu tempat ke satu tempat yang lain sama ada merentasi sempadan antarabangsa mahupun sempadan negeri (Usman & Tarmiji 2010; *International Organization for Migration* (IOM) 2011). Penghijrahan penduduk dilihat semakin penting pada masa kini kerana ia merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi urbanisasi dan juga pembangunan sesebuah negara (Mohd Fadzil & Ishak 2007; Usman & Tarmiji 2010).

Migrasi dalaman bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah migrasi dalaman ini turut berlaku di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan juga semua negara di seluruh dunia. Menurut Ping dan Shaohua (2005), terdapat dua fasa penting migrasi dalaman yang berlaku di China iaitu pertama, kebanyakan penduduk

meninggalkan ladang mereka dan berhijrah ke kawasan bandar untuk aktiviti selain dari pertanian. Kedua, aliran buruh itu pada dasarnya diarahkan dari kawasan pedalaman ke kawasan pantai, atau dari kawasan pusat bandar dan wilayah barat ke kawasan timur China. Kedua-dua fasa ini dilihat bertindih dan saling berkait rapat dengan struktur sosioekonomi makro. Sebenarnya, kebanyakan penduduk berhijrah dari kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi ke kawasan berkepadatan rendah. Di samping itu, mereka juga berhijrah dari kawasan pendapatan rendah ke kawasan berpendapatan lebih tinggi (Castles & Miller 2003). Keadaan ini memberi gambaran tentang migrasi dalaman sebenarnya bergerak ke arah keseimbangan ruangan ekonomi tertentu.

Penghijrahan migrasi keluar masuk ke kawasan destinasi merupakan faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri di mana

berlakunya penghijrahan tenaga kerja professional ke kawasan destinasi (peluang pekerjaan yang lebih baik turut menjadi faktor utama migrasi). Penghijrahan ini telah mengakibatkan kawasan asal mereka mengalami kekurangan golongan professional akibat migrasi dan mungkin menyebabkan pertumbuhan ekonomi di kawasan asal dilihat bergerak perlahan berbanding dengan pertumbuhan ekonomi di kawasan membangun. Bilangan migrasi dalaman di negara ini semakin bertambah disebabkan oleh faktor-faktor penarik migrasi ke kawasan destinasi. Banyak faktor yang menjadi pendorong berlakunya migrasi antaranya adalah faktor pendidikan, perkahwinan, peluang pekerjaan dan faktor geografi (Laporan Jabatan Perangkaan 2010; Peeters 2008). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat tiga sebab utama penduduk berhijrah atas faktor pekerjaan iaitu berpindah tempat kerja/memulakan pekerjaan baru, mencari kerja dan juga berhenti kerja/bersara (Laporan Jabatan Perangkaan 2010).

Tahap pendidikan yang dimiliki juga dilihat menjadi faktor pendorong kepada penghijrahan penduduk yang bertujuan untuk memperoleh kehidupan yang lebih selesa. Jika dilihat peratus migran yang berhijrah ke kawasan luar bandar pada tahun 1992, golongan migran yang tiada pendidikan lebih banyak tertumpu ke kawasan tersebut diikuti migran berpendidikan rendah, migran yang mempunyai pendidikan peringkat menengah dan seterusnya migran peringkat tertiar. Manakala pada tahun 2003, migran peringkat rendah lebih tinggi peratusannya berbanding migran-migran lain yang berhijrah ke kawasan luar bandar. Bagi penghijrahan migran ke kawasan bandar pula, golongan migran yang mempunyai tahap pendidikan tertiar lebih tertumpu ke kawasan ini dan peratusannya meningkat dari tahun 1992 iaitu sebanyak 67% menjadi 74.3% pada tahun 2003 (Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2007).

Peningkatan pendudukan di kawasan bandar sejajar dengan perkembangan pembangunan negara. Jika dilihat kepada paras urbanisasi bagi setiap negeri di Malaysia, Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan paras urbanisasi 100% manakala Kelantan mencatatkan paras urbanisasi paling rendah iaitu sebanyak 42.4% (Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2012). Menurut Katiman, Fuad dan Aishah (2010), migrasi keluar dari wilayah metropolitan ke pinggir kini telah menjadi satu trend global ini dan proses migrasi ini telah menyebabkan rebakan bandar. Bilangan keseluruhan penduduk bandar di Malaysia meningkat dari 62% pada tahun 2000 kepada 71% pada tahun 2010. Dari segi kepadatan penduduk pula, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah yang paling tinggi pada tahun 2010 iaitu sebanyak 6,891 orang bagi setiap kilometer persegi dan diikuti dengan Pulau Pinang iaitu sebanyak 1,490 orang per kilometer persegi (Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2012; Laporan Unit Perancangan Ekonomi 2012). Migrasi dalaman

yang berlaku sebenarnya merupakan salah satu faktor berlakunya kepadatan penduduk di kawasan destinasi.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (1982), kadar pergerakan migrasi masuk ke negeri-negeri di Malaysia yang paling tinggi pada tahun 1981 ialah Kuala Lumpur (40.62 orang per 1000 penduduk), diikuti Pahang (36.14 orang per 1000 penduduk), Negeri Sembilan (28.7 orang per 1000 penduduk), Selangor (27.95 orang per 1000 penduduk) dan Melaka sebanyak 27.25 orang per 1000 penduduk. Arah pergerakan penduduk pada awal 1980an, 1990an dan awal abad ke 21 dilihat lebih tertumpu ke kawasan yang sedang membangun seperti Melaka, Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Kuala Lumpur merupakan ibu negeri bagi Malaysia dan tempat inilah yang menjadi tarikan untuk penduduk berhijrah bagi memperbaiki taraf hidup. Kadar migrasi masuk ke negeri ini dilihat sentiasa berada di kedudukan 5 teratas dari tahun 1981 hingga 1996. Pada tahun 1989, Kuala Lumpur menduduki tangga ke-2 iaitu dengan kadar pergerakan migrasi masuk sebanyak 24.71 orang per 1000 penduduk dan pada tahun 1996 (juga berada di kedudukan kedua), sebanyak 29.70 orang per 1000 penduduk direkodkan.

Namun selepas berlakunya kemelesetan ekonomi pada tahun 1997-1998, pergerakan kadar migrasi masuk ke negeri ini mula berkurangan dan hanya 2.63 orang per 1000 penduduk direkodkan bagi tahun 2011. Tahun 2012, walaupun pergerakan kadar migrasi negeri ini dilihat meningkat sedikit kepada 5.96 orang per 1000 penduduk, namun kadar kemasukan ke negeri ini masih lagi berada di kedudukan 3 terendah berbanding negeri-negeri lain. Bagi negeri maju lain seperti Pulau Pinang, pergerakan kadar migrasi masuk ke negeri ini dilihat agak konsisten pada tahun 1980an hingga kini dan negeri ini telah berada di kedudukan tertinggi bagi kadar migrasi masuk tahun 2011 dan 2012 di mana masing-masing sebanyak 11.5 orang per 1000 penduduk dan 11.6 orang per 1000 penduduk.

Pada penghujung abad ke 21, arah pergerakan penduduk dilihat mula berubah dan penghijrahan mereka lebih tertumpu ke kawasan yang kurang membangun. Kebanyakan penduduk dilihat lebih gemar berhijrah ke kawasan yang kurang maju seperti di negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu. Sebanyak 11.2 orang per 1000 penduduk direkodkan pergerakan kadar migrasi masuk ke negeri Kelantan bagi tahun 2012 dan masing-masing sebanyak 10.8 orang per 1000 penduduk dan 8.1 orang per 1000 penduduk pergerakan kadar migrasi masuk ke negeri Kedah dan Terengganu direkodkan bagi tahun yang sama. Pergerakan kadar migrasi masuk ke zon borneo (Sabah dan Sarawak) dilihat tidak banyak berubah dari tahun 1980an hingga kini. Walaupun kedudukan pergerakan migrasi masuk bagi setiap negeri dilihat mengalami perubahan, namun kadar migrasi masuk bagi semua negeri dilihat mengalami penyusutan dari semasa ke semasa. Ini menunjukkan kadar migrasi masuk ke

negeri-negeri ini semakin berkurangan walaupun ianya terus berlaku tanpa dihalang.

Di Malaysia, Chitose (2003) mendapati bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan di Malaysia adalah signifikan dan memberi kesan positif kepada etnik Melayu untuk berhijrah sebaliknya etnik bukan Melayu tidak memberi kesan kepada migrasi. Terdapat dua polisi yang dirangka iaitu meliputi pembangunan desa dan wilayah serta pambandan dan perbandaran (Abdul Samad 1989). Polisi pembangunan luar bandar dan wilayah digubal bertujuan untuk mentransformasikan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar dari segi tingkat pendapatan, penambahbaikan infrastruktur, peluang pekerjaan yang lebih moden dan lain-lain (Rodzli & Seng, 2012). Manakala menurut Rusly dan Nurashikin (2013), transformasi luar bandar ini melibatkan proses permodenan, pembangunan dan pambandan ke atas pekerjaan, taraf kesihatan, pendidikan, pengangkutan, komunikasi dan transformasi lain yang berkaitan. Kawasan luar bandar biasanya dikaitkan dengan aktiviti pertanian. Maka fokus bagi membangunkan tanah pertanian telah diberi perhatian di dalam polisi ini dan seterusnya menggalakkan penghijrahan penduduk ke kawasan luar bandar (Abdul Samad 1989).

Pelaburan domestik juga berperanan sebagai sumber pendapatan utama bagi negeri-negeri di Malaysia. Namun secara tak langsung, kemasukan pelaburan domestik ini juga berupaya mempengaruhi keputusan penduduk untuk bermigrasi. Justeru, pihak pemerintah telah mengambil langkah mengawal kadar migrasi dalaman melalui tindakan membangunkan pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan tertentu dengan menubuhkan Koridor Pembangunan Ekonomi Baru pada tahun 2007 (Datuk Faizah Mohd Tahir 2008). Hari ini terdapat sebanyak lima agensi yang diberi tugas untuk membangunkan Koridor Pembangunan Ekonomi Baru iaitu:


Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER)

1. Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR)
2. Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)
3. Wilayah Pembangunan Sabah (SDC)
4. Sarawak Corridor Of Renewable Energy (SCORE)

Penubuhan agensi-agensi ini mungkin boleh menjadi faktor pendorong yang mengakibatkan berlakunya pengurangan kadar migrasi dalaman keluar bagi kesemua negeri di Malaysia. Oleh itu, penting bagi kita untuk melihat sejauh mana faktor-faktor ini mempengaruhi migrasi masuk dan seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi bagi negeri-negeri tersebut. Kemasukan pelaburan asing dan domestik ke negeri-negeri ini dilihat turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan faktor penarik bagi pemboleh ubah makroekonomi dalam memberi kesan kepada migrasi masuk bagi zon utara dan zon barat Malaysia. Pemilihan zon utara dibuat kerana kawasan ini adalah dibawah pengawasan NCER dan terdiri daripada gabungan negeri maju dan kurang maju manakala kawasan barat pula terdiri daripada negeri-negeri maju. Jadi perbandingan antara kedua-dua zon ini dibuat bertujuan untuk melihat sejauhmana faktor-faktor penarik ini berjaya mempengaruhi penduduk untuk berhijrah masuk ke kawasan yang menerima suntikan pelaburan dan plan pembangunan kerajaan.

TREND MIGRASI MASUK

Trend migrasi masuk bagi setiap negeri adalah berbeza mengikut masa dan keadaan. Berdasarkan Rajah 1, migrasi masuk yang paling tinggi pada tahun 1990 ialah



RAJAH 1 Arah aliran migrasi masuk bagi Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak.

Sumber: Portal Unit Perancangan Ekonomi 2013; Portal Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013

negeri ialah negeri Selangor dengan jumlah migrasi masuk sebanyak 57,773 orang, diikuti dengan negeri Pulau Pinang (28,686 orang) dan Kedah (25,463 orang). Manakala negeri Perlis pula mencatatkan jumlah migrasi masuk yang paling rendah pada tahun tersebut iaitu sebanyak 2,342 orang. Migrasi masuk ke negeri Selangor dilihat masih menjadi pilihan penduduk dan buktinya jumlah migrasi masuk ke negeri ini masih lagi yang tertinggi sehingga tahun 2007 walaupun jumlah migran masuk dilihat mengalami keadaan yang fluktuasi. Pada tahun 1995, sebanyak 78,010 orang jumlah migrasi masuk dicatatkan di negeri Selangor manakala jumlah ini dilihat berkurang kepada 62,470 orang pada tahun 1999.

Jumlah migrasi masuk ke negeri Selangor masih lagi berada di kedudukan tertinggi pada tahun 2004 dimana sebanyak 86,380 orang jumlah migrasi masuk ke negeri ini telah direkodkan pada tahun tersebut dan diikuti oleh negeri Kedah (22,420 orang). Walaupun negeri Selangor masih mencatatkan jumlah kemasukan migrasi masuk paling tinggi pada tahun 2007, namun jumlah migrasi masuk ke negeri ini dilihat berkurang dan hanya 23,410 orang jumlah migrasi masuk direkodkan. Pada tahun 2010, jumlah migrasi masuk yang tertinggi ialah negeri Pulau Pinang dengan jumlah migrasi masuk sebanyak 17,200. Negeri Perlis masih lagi mencatatkan jumlah kemasukan migrasi dalaman yang paling rendah iaitu hanya sebanyak 1,500 orang sahaja.

Namun pada tahun 2012, negeri Selangor kembali menjadi pilihan penduduk untuk berhijrah dengan jumlah migrasi masuk tertinggi telah direkodkan pada tahun berkenaan iaitu sebanyak 57,800 orang. Negeri Perlis masih lagi menjadi negeri yang kurang menerima penghijrahan penduduk sepanjang tempoh 22 tahun tersebut dan hanya 1,600 orang jumlah migrasi masuk telah direkodkan pada tahun 2012. Justeru itu, rajah 1 menunjukkan arah aliran migrasi masuk bagi keenam negeri tersebut.

TEORI MIGRASI

TEORI MODEL GRAVITI/ HUKUM MIGRASI

Hukum model graviti yang juga dikenali sebagai model interaksi kawasan Lowry telah diperkenalkan oleh Ravenstein pada tahun 1885 (Harris 2001; Saad, Fatimah & Sofia 2010) dan menurut Ravenstein, tujuan utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah adalah untuk memperbaiki taraf. Hukum model graviti ini mengambilkira aspek saiz penduduk di kawasan asal, saiz penduduk di kawasan destinasi serta jarak di antara kedua-dua kawasan di samping perbezaan migrasi antara kumpulan manusia (Harris 2001; Saad et al. 2010) serta mengandaikan aliran migrasi adalah berhubung secara langsung dengan penduduk namun berhubung songsang dengan jarak (Saad et al. 2010).

Terdapat tujuh hukum Ravenstein yang telah disentuh dalam teori migrasi (Harris 2001) ini iaitu:

1. Migran biasanya akan memilih kawasan maju untuk berhijrah,
2. Penduduk dari kawasan desa lebih gemar berhijrah berbanding penduduk dari kawasan bandar,
3. Wujud arah aliran migrasi bertentangan dengan migrasi masuk iaitu migrasi keluar,
4. Golongan wanita biasanya membuat keputusan untuk berhijrah dalam jarak yang dekat,
5. Berlakunya gantian penduduk dan lebih kepada memperbaiki taraf hidup,
6. Rebakan bandar disebabkan oleh penghijrahan penduduk dari kawasan desa yang berhampiran, dan
7. Perindustrian dan kemajuan teknologi di sesebuah kawasan menarik minat penduduk untuk bermigrasi.

Seterusnya model graviti Ravenstein ini telah diperkembangkan oleh Lowry (1966), Wilson (1970), Alonso (1978), Isserman, Plane, Rogerson dan Beaumont (1985) serta Fotheringham dan O'Kelly (1989). Pada tahun 1966, Lowry telah memperkembangkan model graviti ini dengan memperkenalkan pemboleh ubah ekonomi berasaskan teori klasik penolak dan penarik, neo-klasik dan Keynes. Model interaksi kawasan Lowry dapat dilihat melalui persamaan berikut:

$$M_{ij} = cL_i^{\alpha 1} L_j^{\alpha 2} U_i^{\alpha 3} U_j^{\alpha 4} W_i^{\alpha 5} W_j^{\alpha 6} d_{ij}^{\gamma}$$

di mana M_{ij} merupakan jumlah penghijrah dari kawasan i ke kawasan j , i ialah kawasan asal, j ialah kawasan destinasi manakala c adalah pemalar, L_i dan L_j ialah tenaga buruh, U_i dan U_j ialah kadar pengangguran, W_i dan W_j ialah kadar upah dan d_{ij} ialah jarak antara kawasan.

TEORI NEOKLASIK

Teori ekonomi neoklasik menitikberatkan tentang perbezaan upah yang wujud di antara kawasan yang menjadi tarikan buruh untuk berhijrah di mana wujud perbezaan upah di antara buruh kesan daripada permintaan dan penawaran buruh serta faktor-faktor lain yang menjadi penyebab kepada perbezaan upah buruh ini (Saad, Fatimah dan Sofia, 2010). Keynes juga turut menekankan tentang kewujudan pengangguran di sesebuah kawasan mungkin berlaku kesan daripada tingkat upah yang sukar untuk direndahkan dan penghijrahan yang berlaku akan menghapuskan pengangguran di kawasan tersebut (Hart 1975). Terdapat dua jenis teori neoklasik iaitu teori neoklasik ekonomi makro dan teori neoklasik ekonomi mikro dimana teori neoklasik ekonomi makro menjelaskan tentang proses penghijrahan tenaga kerja dari kawasan yang mempunyai lebih tenaga kerja tetapi kekurangan modal/kapital, tetapi memiliki modal yang banyak (Massey 1993; Massey et al 1996). Manakala teori neoklasik ekonomi



RAJAH 2 Faktor Penolak dan penarik migrasi
 Sumber: Lee 1966

mikro pula menjelaskan tentang pertimbangan yang dibuat oleh individu yang mengambil keputusan untuk berhijrah terutamanya dari segi pertimbangan kos dan kelebihan di tempat destinasi.

dipilih oleh migran untuk berhijrah dan jumlah penduduk di kawasan destinasi yang positif ini dijangka meningkat dari semasa ke semasa (Harris 2001). Rajah 2 merupakan faktor penolak dan faktor penarik bagi kawasan asal serta kawasan destinasi di samping halangan perantaraan menurut Lee (1966).


TEORI MEMBUAT KEPUTUSAN LEE

Teori membuat keputusan Lee atau Everett Lee telah diperkenalkan pada tahun 1966 (Lee 1966; Harris 2001; Saad et al. 2010). Beliau telah menganalisis migrasi dalam konteks kawasan asal dan kawasan destinasi dimana kekurangan yang wujud di kawasan asal telah merangsang penduduk untuk berhijrah di samping kelebihan di kawasan destinasi (Lee 1966; Saad et al. 2010) dan telah menyenaraikan empat faktor utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah iaitu 1) faktor penolak di kawasan asal, 2) faktor tarikan kawasan destinasi, 3) rintangan dan 4) faktor individu (Lee 1966; Harris 2001).


Kesan positif dan kesan negatif penghijrahan ke kawasan destinasi dinilai terlebih dahulu sebelum seseorang individu itu mengambil keputusan untuk berhijrah (Lee 1966; Harris 2001) seperti kos pemindahan, penempatan, infrastruktur dan sebagainya (Lee 1966; Harris 2001; Saad et al. 2010). Kawasan yang mempunyai kesan positif yang paling banyak kebiasaannya akan

TEORI ZELINKY


Teori transisi penghijrahan ini telah dibangunkan oleh Zelinky pada tahun 1971 bertujuan untuk melihat peralihan penting yang berlaku di dalam penghijrahan penduduk. Zelinky telah menyenaraikan lima tahap perkembangan masyarakat iaitu 1) masyarakat tradisional pra moden, 2) masyarakat transisi awal, 3) masyarakat transisi akhir, 4) masyarakat maju dan 5) lanjutan masyarakat maju di masa akan datang (Zelinky 1971; Haas 2010). Manakala Skeldon (1990) telah mengembangkan tahap transisi penghijrahan penduduk ini menjadi tujuh tahap iaitu 1) masyarakat pra transisi yang cenderung untuk berhijrah tetapi bukan untuk menetap terus, 2) masyarakat transisi awal di mana bandar-bandar besar telah menjadi pilihan utama penduduk daripada bandar-bandar kecil dan sederhana untuk berhijrah, 3) masyarakat transisi menengah, 4) masyarakat transisi akhir, dan pada ketika ini akan muncul bandaraya mega, 5) masyarakat maju dan



RAJAH 3 Faktor penyebab kepada penghijrahan penduduk mengikut Norris
 Sumber: Norris, 1972



RAJAH 4 Hipotesis Perkembangan Manusia Mengikut Kemampuan dan Aspirasi Bermigrasi
Sumber: Haas 2010



RAJAH 5 Graf Teori Transisi Penghijrahan Mengikut Haas
Sumber: Haas 2010

pada tahap ini akan wujud urbanisasi di kawasan tersebut, penghijrahan penduduk juga akan meningkat, 6) lanjutan masyarakat maju dan vii) masyarakat super majuan destinasi tersebut (Skeldon 1990; Haas 2010). Haas (2010) juga turut menggabungkan konsep kemampuan dan aspirasi bermigrasi. Aspirasi bermigrasi merupakan kecenderungan utama penduduk membuat keputusan untuk berhijrah dan kesan pembangunan di sesebuah kawasan mungkin akan meningkatkan aspirasi kehidupan dan maklumat migran terbabit. Rajah 4 merupakan hipotesis perkembangan manusia mengikut kemampuan dan aspirasi bermigrasi manakala Rajah 5 merupakan graf teori transisi penghijrahan menurut Haas (2010).

KAJIAN LITERATUR

Migrasi dalaman boleh dikategorikan kepada dua tahap iaitu migrasi yang berhijrah merentasi negeri dan migrasi yang berhijrah di dalam negeri (Jabatan Perangkaan Malaysia 2009). Trend penghijrahan penduduk bukan sahaja melibatkan kawasan luar bandar ke bandar, malah trend migrasi dalaman ini juga turut melibatkan penghijrahan penduduk dari kawasan bandar ke bandar, luar bandar ke luar bandar dan juga bandar ke desa (Usman & Tarmiji 2010). Menurut Purnomo (2009), penduduk berpindah dari luar bandar ke kawasan bandar secara tak langsung akan menyebabkan berlakunya proses pembangunan dan urbanisasi. Proses migrasi yang berlaku ini dianggap sebagai satu proses semula jadi yang akan menyalurkan tenaga kerja ke kawasan destinasi. Manakala di Indonesia, migrasi dalaman melibatkan proses transmigrasi yang merupakan penghijrahan penduduk dari pulau Jawa ke pulau yang lain sedangkan proses urbanisasi di Indonesia disebabkan oleh penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar

ke kawasan bandar bertujuan untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik (Yusnita Sari 2009).

Di China, kerajaan telah melaksanakan pendekatan yang lebih positif ke arah penghijrahan luar bandar ke kawasan bandar, dan seterusnya menerima pakai beberapa dasar sokongan pendatang luar bandar ke kawasan bandar (Ping & Shaohua 2005). Mobiliti atau penghijrahan dalaman yang berlaku di Asia dilihat rendah dan migrasi hanya berlaku pada peringkat awal (pada usia muda) manakala kadar mobiliti tinggi bagi Negara di Amerika Latin dan Negara maju lain dan migrasi berlaku pada peringkat akhir iaitu ketika usia penduduk sudah lanjut (Bell & Muhidin 2009). Manakala menurut Peeters (2008), migrasi dalaman antara negeri yang berlaku di Mexico secara keseluruhannya dilihat tidak anjal dengan keadaan geografi di negara tersebut. Di Malaysia, Chitose (2003) mendapati bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan di Malaysia adalah signifikan dan memberi kesan positif kepada etnik Melayu sahaja.

Faktor ekonomi dilihat memberi pengaruh besar kepada migrasi dalaman dan menurut Filiztekin dan Gokhan (2008), kemiskinan, pengangguran dan pendapatan telah menjadi penyebab berlakunya migrasi dalaman. Salah satu faktor penghijrahan individu adalah dengan mengambil kira jangkaan perolehan pendapatan dan kepuasan yang akan mendatangkan keuntungan kepada mereka (Napolitano & Bonasia 2009). Peluang pekerjaan yang lebih menarik di kawasan destinasi telah berjaya menarik penduduk untuk berhijrah tetapi bagi penduduk Romania, penghijrahan dalaman kurang memberi kesan berbanding penghijrahan keluar dari negara tersebut (Pirciog 2009). Perpindahan isi rumah ke kawasan pinggir wilayah seperti Lembah Klang adalah disebabkan oleh keinginan penduduk untuk memiliki rumah kediaman dan hartanah yang lebih murah berbanding di kawasan bandar seperti di Kuala

Lumpur (Katiman, Fuad & Aishah 2010). Katiman (2006) mendapati bahawa migrasi ke kawasan pinggir wilayah metropolitan Lembah Klang disebabkan oleh penawaran peluang kerja serta memiliki hartanah di pinggir metropolitan di samping pelbagai kemudahan awam yang hebat dan canggih di kawasan metropolitan.

Migrasi dikatakan suatu kejayaan dalam meningkatkan tingkat pendapatan, menambah pengalaman kerja dan meningkatkan tahap kepuasan hidup seperti dapat memiliki rumah kediaman (Chamrathirong 2007; Chowdhury et al, 2012). Namun bagi Todaro (1980), migrasi yang pesat bukanlah satu proses yang bermanfaat bagi penyelesaian masalah kepada permintaan buruh di kawasan bandar yang semakin meningkat. Ini kerana, pertumbuhan penduduk yang pesat terutamanya di kawasan luar bandar dilihat sebagai faktor pendorong kepada penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar dan pergerakan ini berlaku dalam tempoh masa yang singkat (Chamrathirong 2007). Migrasi yang berlaku memburukkan lagi ketidakseimbangan struktur bandar dan luar bandar dari segi penawaran dan juga berlaku ketidakseimbangan kadar pertumbuhan pencari kerja di kawasan bandar dengan pertumbuhan kawasan bandar (Todaro 1980).

Migrasi adalah dianggap sebagai salah satu strategi pembangunan dan pemacu kepada pertumbuhan dan juga laluan penting untuk penduduk keluar daripada kemiskinan hidup (Chowdhury et al. 2012). Sebaliknya, penghijrahan yang berlaku hari ini dilihat sebagai faktor utama yang menyumbang kepada fenomena berlakunya lebih buruh di bandar dan seterusnya menyebabkan masalah pengangguran di kawasan bandar menjadi semakin serius disebabkan oleh ketidakseimbangan ekonomi dan struktur antara kawasan bandar dan luar bandar (Todaro 1980). Tidak dinafikan bahawa kehadiran buruh dari luar kawasan dengan pengalaman yang tinggi dapat meningkatkan modal insan dan juga pembangunan sosio-ekonomi tempatan menghantar kawasan (Ping & Shouhua 2005). Namun kehadiran mereka lebih cenderung untuk pertumbuhan penawaran buruh di bandar manakala berlaku kekurangan buruh yang berkemahiran dan berpengalaman di kawasan luar bandar. Jika dilihat dari segi permintaan pula, peluang pekerjaan di kawasan paling sukar diperoleh dan kos sara hidup yang mahal di kawasan tersebut berbanding dengan peluang pekerjaan di luar bandar (Todaro 1980). Manakala di Amerika Syarikat, Cebula (2005) mendapati bahawa faktor ekonomi melibatkan pendapatan per kapita sebenarnya berhubungan positif dengan migrasi dalaman sementara kos purata kehidupan pula didapati berhubungan negatif dengan corak migrasi dalaman di negara tersebut.

Jika dilihat hubungan antara pelaburan asing dengan tenaga kerja tidak mahir yang bermigrasi di Amerika Syarikat, kedua-dua pemboleh ubah ini saling berhubungan negatif (Kugler & Rapoport 2005; Kugler & Rapoport 2006) manakala hubungan antara tenaga

kerja mahir yang bermigrasi dengan pelaburan asing adalah berhubungan positif (Kugler & Rapoport 2006). Bagi D'Agosto, Solferino dan Tria (2006) pula, faktor pelaburan asing mewujudkan eksternaliti positif bagi mengurangkan risiko penduduk tempatan untuk berhijrah dengan meningkatkan permintaan terhadap buruh tempatan bagi tenaga buruh mahir dan kurang mahir. Bagi hubungan migrasi dan pelaburan asing di Jerman, Buch, Kleinart dan Toubal (2003) mendapati bahawa saiz pasaran, kebudayaan dan keadaan geografi merupakan faktor penarik kepada pelaburan asing seterusnya menggalakkan penghijrahan penduduk.

Bao, Bodvarsson, Hou dan Zhao (2009) menyatakan bahawa pelaburan asing juga dapat merangsang migrasi dalaman di China disebabkan oleh kuasa globalisasi kini. Hasil kajian mendapati bahawa faktor pelaburan asing telah berjaya menarik lebih ramai penduduk berhijrah ke kawasan destinasi tetapi wujud kekangan dari segi pembinaan di kawasan destinasi kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang agak besar. Di Mexico, migrasi dan pelaburan asing berhubungan negatif antara satu sama lain kerana kemasukan pelaburan asing dilihat menjadi penghalang kepada penghijrahan penduduk dari kawasan lain (Aroca & Maloney 2005).

METODOLOGI

Analisis kajian ini menggunakan data panel berbentuk tahunan dan melibatkan dua kawasan utama di Malaysia (melibatkan enam buah negeri). Kawasan yang dipilih dalam kajian ini ialah kawasan utara (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang) dan kawasan barat (Perak, Selangor dan Kuala Lumpur). Data yang digunakan adalah berbentuk sekunder yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga dari Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bermula dari tahun 1980 hingga 2012. Berdasarkan objektif kajian, persamaan utama telah dibentuk dengan menggunakan pemboleh ubah yang sesuai. Pemilihan pemboleh ubah ini dibuat kerana kesemua pemboleh ubah ini adalah bersifat makro manakala pemboleh ubah seperti faktor umur, kebudayaan dan geografi tidak di ambilkira dalam kajian ini kerana kajian ini adalah menjurus kepada pemboleh ubah bersifat mikro dan memerlukan pengedaran borang soal selidik untuk memperoleh data-data tersebut. Bagi melihat hubungan sebab-akibat migrasi dalaman dengan pertumbuhan ekonomi setiap negeri pula, persamaan (1) di bawah dibentuk:

$$\begin{aligned} \ln MM_{it} = & \alpha + \beta_1 \ln FDI_{it} + \beta_2 \ln DI_{it} + \beta_3 \ln HHI_{it} \\ & + \beta_4 \ln UN_{it} + \beta_5 \ln POV_{it} + \beta_6 \ln TB_{it} \\ & + \varepsilon_{it} \end{aligned} \quad (1)$$

di mana MM ialah migrasi masuk (nisbah per 1000 penduduk), FDI ialah pelaburan asing (Ringgit Malaysia (Ringgit Malaysia, RM), UN ialah pengangguran (jumlah), POV ialah kemiskinan (nilai insiden Kemiskinan), TB

ialah tenaga buruh (jumlah), i ialah negeri, t ialah tahun dan ε ialah ralat. Bagi menguji kepegunan data panel bagi persamaan (1), penyelidik akan menggunakan ujian punca unit Levin dan Lin (1993). Ujian kepegunan data panel telah dibangunkan oleh Levin dan Lin pada tahun 1992. Hasil kerja mereka telah diterbitkan oleh Chu (Asteriou & Hall 2007). Levin dan Lin telah menganggap ujian kepegunan sebagai lanjutan kepada ujian Dickey Fuller. Model yang telah mereka bangunkan adalah seperti berikut:

$$\Delta y_{i,t} = \alpha_i + \rho Y_{i,t-1} + \sum_{k=1}^n \theta_k \Delta Y_{i,t-k} + \delta_i t + \theta_i + u_{it} \quad (2)$$

Oleh itu, model ini membenarkan kesan tetap dua hala dimana satu datangnya dari α_i dan yang kedua datangnya dari θ_i . Jadi, model data panel ini mempunyai unit spesifik yang malar dan juga unit spesifik aliran masa. Ujian unit spesifik malar adalah sangat penting kerana ianya membenarkan kepelbagaian pekali bagi Y_i menjadi homogen merentasi semua unit panel. Berikut merupakan hipotesis bagi ujian kepegunan data panel:

$$\begin{aligned} H_0: \rho &= 0 \\ H_1: \rho &< 0 \end{aligned}$$

Jika $\hat{\rho}$ merupakan penganggar OLS ρ dalam persamaan (2), maka:

$$\begin{aligned} Z_i &= (Z_{it}, \dots, Z_{it}) \\ h(t, s) &= Z_i \left(\sum_{t=1}^T Z_i Z_i' \right) Z_s \\ \hat{u}_{it} &= u_{it} - \sum_{t=1}^T h(t, s) u_{is} \\ \hat{y}_{it} &= y_{it} - \sum_{s=1}^T h(t, s) y_{is} \end{aligned}$$

maka

$$\sqrt{NT}(\hat{\rho} - 1) = \frac{\frac{1}{\sqrt{N}} \sum_{i=1}^N \frac{1}{T} \sum_{t=1}^T \hat{y}_{i,t-1} \hat{u}_{it}}{\frac{1}{\sqrt{N}} \sum_{i=1}^N \frac{1}{T} \sum_{t=1}^T \hat{y}_{i,t-1}^2}$$

Berdasarkan persamaan t-statistik, hipotesis nol ditunjukkan oleh persamaan berikut:

$$t_\rho = \frac{(\hat{\rho} - 1) \sqrt{\sum_{i=1}^N \sum_{t=1}^T \hat{y}_{i,t-1}^2}}{se}$$

Dengan menganggarkan bahawa wujud matriks berskala D_T dan $Z(r)$ merupakan lanjutan daripada persamaan tersebut, maka

$$D_T^{-1} Z |Tr| \rightarrow Z(r)$$

Diandaikan r adalah sekata dengan $E\{0,1\}$ dan malar bagi N , maka:

$$\frac{1}{\sqrt{N}} \sum_{i=1}^N \frac{1}{T} \sum_{t=1}^T \hat{y}_{i,t-1} \hat{u}_{it} \Rightarrow \frac{1}{\sqrt{N}} \sum_{i=1}^N \int W_{iz} dW_{iz}$$

dan,

$$\frac{1}{N} \sum_{i=1}^N \frac{1}{T^2} \sum_{t=1}^T \hat{y}_{i,t-1}^2 \Rightarrow \sum_{i=1}^N \int W_{iz}^2$$

dimana $T \rightarrow \infty$. Dengan mengandaikan $\int W_{iz} dW_{iz}$ dan $\int W_{iz}^2$ merupakan pemboleh ubah bebas merentasi i , maka persamaan (4.12) di bawah terbentuk:

$$\frac{1}{N} \sum_{i=1}^N \int W_{iz}^2 \xrightarrow{P} E[\int W_{iz}^2] \quad (3)$$

Seterusnya ujian kointegrasi dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan jangka panjang yang wujud antara pemboleh ubah. Hipotesis bagi ujian kointegrasi ini adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} H_0: & \text{Tiada kointegrasi} \\ H_1: & \text{Kointegrasi} \end{aligned}$$

Pedroni (2001) telah membangunkan lima statistik bagi melihat hubungan jangka panjang di antara pemboleh ubah iaitu:

Nisbah varians statik Panel: $Z_{\hat{v}_{NT}} = L_{11}^2 (\sum_{i=1}^N \sum_{t=1}^T \hat{e}_{it-1}^2)^{-1}$

Panel statik rho: $Z_{\hat{\rho}_{NT-1}} = (\sum_{i=1}^N \sum_{t=1}^T \hat{e}_{it-1}^2)^{-1} \sum_{i=1}^N \sum_{t=1}^T (\hat{e}_{it-1} \Delta \hat{e}_{it-1} - \lambda_i)$

Panel statik t: $Z_t \sigma_{NT-1}^2 = (\sigma_{NT}^2 \sum_{i=1}^N \sum_{t=1}^T \hat{e}_{it-1}^2)^{-1/2} \sum_{i=1}^N \sum_{t=1}^T (\hat{e}_{it-1} \Delta \hat{e}_{it-1} - \lambda_i)$

Kumpulan statik rho: $\check{z}_{tNT} = \sum_{i=1}^N (\sum_{t=1}^T \hat{e}_{it-1}^2)^{-1} \sum_{t=1}^T (\hat{e}_{it-1} \Delta \hat{e}_{it-1} - \lambda_i)$

Kumpulan statik t: $\check{z}_{tNT} = \sum_{i=1}^N (\sum_{t=1}^T \sigma_{i-2}^2 \hat{e}_{it-1}^2)^{-1/2} \sum_{t=1}^T (\hat{e}_{it-1} - \lambda_i) \quad (4)$

Bagi pendekatan FMOLS pula, Pedroni (1996) telah memperkenalkan ujian ini bertujuan untuk mengesan hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah dengan lebih mendalam melibatkan kumpulan dan juga secara individu/negeri yang terlibat (Pedroni, 2000; Abdullah, Bakar & Hassan, 2010). Persamaan kuasa dua terkecil yang dibentuk ialah:

$$\begin{aligned} y_{it} &= \alpha_i + x_{it}' \beta + e_{it} \\ x_{it} &= x_{i,t-1} + e_{it} \end{aligned} \quad (5)$$

di mana $\zeta_{it} = |e_{it}, \varepsilon'_{it}|$ merupakan kepegunan bagi matriks kovarians Ω_i . Manakala persamaan bagi FMOLS pula adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \hat{\beta}_{FM} &= \sum_{i=1}^N \hat{\Omega}_{22i}^{-1} \sum_{t=1}^T (x_{it} \hat{x}_{it})^2 \sum_{i=1}^N \hat{\Omega}_{11i}^{-1} \sum_{t=1}^T \hat{\Omega}_{22i}^{-1} \sum_{t=1}^T (x_{it} \hat{x}_{it}) e_{it} \quad T \hat{\gamma}_i \\ \hat{e}_{it} &= e_{it} \hat{\Omega}_{22i}^{-1} \hat{\Omega}_{21i}, \quad \hat{\gamma}_i = \hat{\Gamma}_{21i} + \hat{\Omega}_{21i}^0 \hat{\Omega}_{22i}^{-1} \hat{\Omega}_{21i} \\ & \quad (\hat{\Gamma}_{22i} + \hat{\Omega}_{22i}^0) \end{aligned} \quad (6)$$

di mana matriks kovarians boleh dihuraikani seperti $\Omega_i = \Omega_i^0 + \Gamma_i + \Gamma_i$ di mana Ω_i^0 adalah matriks kovarians semasa, dan Γ_i merupakan pemberat bagi autokovarians. Hipotesis bagi FMOLS ini ialah:

$H_0: \beta_i = \beta_0$ bagi semua i

$H_A: \beta_i \neq \beta_0$

DAPATAN HASIL KAJIAN

Ujian punca unit dijalankan bertujuan untuk menguji kepegungan pembolehubah bagi bentuk tingkat dan pembezaan pertama apabila model (1) berada dalam keadaan konstan dan mempunyai tren linear. Sekiranya pembolehubah ini adalah signifikan pada aras keertian tertentu, maka hipotesis nol berjaya ditolak dan sebaliknya jika pembolehubah adalah tidak signifikan,

maka hipotesis nol gagal untuk ditolak. Ujian punca unit Levin, Lin & Chu telah digunapakai dalam kajian ini. Jadual 1(a) dan 1(b) merupakan dapatan hasil kajian bagi ujian punca unit kawasan utara dan kawasan barat Malaysia.

Berdasarkan jadual 1(a) dan 1(b), hasil kajian mendapati ujian punca unit bagi kesemua pembolehubah adalah tidak pegun dalam bentuk tingkat dan konstan bagi kedua-dua kawasan ini (kawasan utara dan barat). Namun pada bentuk pembezaan pertama, kesemua pembolehubah adalah pegun dan signifikan pada aras keertian 5%. Bagi ujian LLC dalam bentuk tingkat dan tren linear pula, didapati kesemua pembolehubah adalah tidak pegun. Namun, kesemua pembolehubah bagi kedua-

JADUAL 1(a) Ujian Punca Unit Bagi Kawasan Utara Malaysia

| Kawasan | Pembolehubah | Konstan | | Konstan + Tren linear | |
|---------|--------------|---------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|
| | | Tingkat | Pembezaan Pertama | Tingkat | Pembezaan Pertama |
| Utara | lnmm | -1.0419 (0.1487) | -4.0433** (0.0000) | 1.3686 (0.9144) | -3.0374** (0.0012) |
| | lnfdi | -0.5931 (0.2766) | -5.2321** (0.0000) | -0.3442 (0.3654) | -3.4339** (0.0003) |
| | lnidi | -0.6175 (0.2685) | -5.3116** (0.0000) | -0.4717 (0.3186) | -3.5818** (0.0002) |
| | lnhhi | -0.5997 (0.2743) | -6.3392** (0.0000) | -0.1990 (0.4211) | -3.6280** (0.0001) |
| | lnun | -0.9742 (0.1650) | -6.2350** (0.0000) | -0.9924 (0.1605) | -5.3382** (0.0000) |
| | lntb | -0.4283 (0.3342) | -4.4148** (0.0000) | -1.1205 (0.1313) | -3.5751** (0.0002) |
| | lnpov | 0.3612 (0.6410) | -4.2041** (0.0000) | -0.5401 (0.2946) | -3.7304** (0.0001) |

Nota: () merupakan kebarangkalian, manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

JADUAL 1(b) Ujian Punca Unit Bagi Kawasan Barat Malaysia

| Kawasan | Pembolehubah | Konstan | | Konstan + Tren linear | |
|---------|--------------|---------------------|------------------------|-----------------------|------------------------|
| | | Tingkat | Pembezaan Pertama | Tingkat | Pembezaan Pertama |
| Barat | lnmm | 2.9353 (0.9983) | -5.5783** (0.0000) | -0.5145 (0.3034) | -6.3322** (0.0000) |
| | lnfdi | 1.8922 (0.9708) | -4.3293** (0.0000) | 2.4935 (0.9937) | -3.1314** (0.0009) |
| | lnidi | 0.4087 (0.6586) | -10.7643** (0.0000) | 2.5515 (0.9946) | -9.0613** (0.0000) |
| | lnhhi | -1.2131 (0.1125) | -7.9524** (0.0000) | 1.2164 (0.8881) | -11.8934** (0.0000) |
| | lnun | -0.6348 (0.2628) | -5.3332** (0.0000) | -0.2399 (0.4052) | -4.1865** (0.0000) |
| | lntb | -0.4639 (0.3214) | -6.6225** (0.0000) | -0.0701 (0.4721) | -4.2502** (0.0000) |
| | lnpov | -1.2131 (0.1125) | -7.9524** (0.0000) | 1.4246 (0.9229) | -6.2808** (0.0000) |

Nota: () merupakan kebarangkalian, manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

dua kawasan ini adalah pegun bagi bentuk pembezaan pertama dan tren linear. Kesemua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian 5%. Jadi hipotesis nol bagi kawasan utara dan kawasan barat ini diterima pada bentuk pembezaan pertama bagi kes konstan dan juga tren linear. Seterusnya ujian kointegrasi (Pedroni) dijalankan bagi menguji hubungan jangka panjang antara pembolehubah. Dapatkan hasil kajian bagi ujian kointegrasi ini adalah seperti dalam jadual 2(a) dan 2(b).

Berdasarkan dapatan hasil kajian ujian kointegrasi seperti di dalam jadual 2(a) dan 2(b), terdapat 4 daripada 7 ujian yang signifikan pada aras keertian 5% bagi kawasan utara dan 4 ujian yang signifikan pada aras keertian 5% dan 10% bagi kawasan barat dalam keadaan konstan. Bagi keadaan konstan dan tren linear pula, terdapat 6 daripada 7 ujian yang signifikan pada aras

keertian 5% bagi kawasan utara manakala bagi kawasan barat pula, didapati kesemua 7 ujian adalah signifikan pada aras keertian 5% dan 10%. Ini menunjukkan hipotesis nol yang menyatakan tidak wujud hubungan kointegrasi antara pembolehubah kerjaya ditolak. Jadual 3(a) dan 3(b) merupakan dapatan hasil kajian bagi Pendekatan FMOLS bagi kawasan utara dan barat Malaysia.

Berdasarkan kepada pendekatan FMOLS dalam jadual 3(a) dan 3(b), hanya Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai hubungan positif jangka panjang antara pelaburan asing dengan migrasi masuk dengan nilai koefisien 3.55 dan signifikan pada aras keertian 1%. Suntikan pelaburan asing ke dalam ekonomi Kuala Lumpur telah menggalakkan pembukaan peluang pekerjaan dan seterusnya menggalakkan penduduk

JADUAL 2(a) Ujian Kointegrasi (Pedroni) Bagi Zon Utara Malaysia

| Kawasan | | Kontan | Konstan & Tren linear |
|---------|---------------------------|-----------------------|-----------------------|
| Utara | Panel statistik v | -1.4974 (0.1300) | -2.1639** (0.0384) |
| | Panel statistik rho | 1.3581 (0.1586) | 2.1069** (0.0434) |
| | Panel statistik PP | -4.9823** (0.0000) | -5.2292** (0.0000) |
| | Panel statistik ADF | -0.3501 (0.3752) | -0.4876 (0.3542) |
| | Statistik rho berkumpulan | 2.2761** (0.0299) | 2.8422** (0.0070) |
| | Statistik PP berkumpulan | -4.0772** (0.0001) | -7.0628** (0.0000) |
| | Statistik ADF berkumpulan | 2.4708** (0.0188) | -2.2539** (0.0315) |

Nota: () merupakan kebarangkalian, manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

JADUAL 2(b) Ujian Kointegrasi (Pedroni) Bagi Zon Barat Malaysia

| Kawasan | | Kontan | Konstan & Tren linear |
|---------|---------------------------|----------------------|-----------------------|
| Barat | Panel statistik v | -1.4320 (0.1431) | -1.7279* (0.0897) |
| | Panel statistik rho | 2.0073* (0.0532) | 2.3080** (0.0278) |
| | Panel statistik PP | 1.2202 (0.1895) | 1.6997* (0.0941) |
| | Panel statistik ADF | 3.0902** (0.0034) | 3.0389** (0.0039) |
| | Statistik rho berkumpulan | 2.6079** (0.0133) | 2.9955** (0.0045) |
| | Statistik PP berkumpulan | 0.8131 (0.2866) | 2.1574** (0.0389) |
| | Statistik ADF berkumpulan | 3.7666** (0.0003) | 3.3815** (0.0013) |

Nota: () merupakan kebarangkalian, manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

JADUAL 3(a) Pendekatan FMOLS Bagi Kawasan Utara Malaysia

| Zon | Negeri | Pembolehubah | | | | | |
|-------|--------------|------------------|-------------------|------------------|------------------|------------------|--------------------|
| | | FDI | DI | HHI | UN | POV | TB |
| Utara | Kedah | 0.21 (2.47) | 0.11 (1.11) | 1.88* (2.69) | 1.71* (4.58) | 1.12 (2.08) | 21.69*** (2.95) |
| | Perlis | -0.02 (-1.75) | 0.04 (1.11) | -1.79* (3.15) | -0.04 (-0.16) | -1.55 (-3.34) | 15.60*** (3.79) |
| | Pulau Pinang | -0.01 (-0.32) | 3.95*** (4.35) | 0.31 (1.10) | -0.39 (-5.65) | 0.30 (2.25) | 8.21*** (9.23) |

Nota: () merupakan t-statistik, manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

JADUAL 3(b) Pendekatan FMOLS Bagi Kawasan Barat Malaysia

| Zon | Negeri | Pembolehubah | | | | | |
|-------|--------------|-------------------|------------------|--------------------|------------------|-------------------|--------------------|
| | | FDI | DI | HHI | UN | POV | TB |
| Barat | Perak | -0.07 (-1.26) | 0.03 (0.37) | -1.88* (-2.65) | -0.28 (-1.41) | -0.62 (-1.76) | -1.24 (-0.24) |
| | Selangor | -0.59 (-3.77) | -0.34 (-1.21) | 15.17*** (4.73) | 0.43 (1.54) | 7.28*** (4.91) | 42.61*** (5.04) |
| | Kuala Lumpur | 3.55*** (4.58) | 0.23 (3.10) | -2.24** (-8.32) | 0.01 (0.05) | -0.34 (-3.22) | 16.66*** (4.63) |

Nota: () merupakan t-statistik, manakala ***, ** dan * adalah untuk aras keertian 1%, 5% dan 10%.

JADUAL 3(c) Pendekatan FMOLS Keseluruhan Sampel Bagi Kawasan Utara dan Barat Malaysia

| Zon | Pembolehubah | | | | | |
|-------|------------------|------------------|--------------------|-----------------|-------------------|--------------------|
| | FDI | DI | HHI | UN | POV | TB |
| Utara | 0.06 (0.23) | -0.04 (-2.21) | 0.13 (0.37) | 0.43 (-0.71) | -0.04 (0.57) | 15.17*** (9.22) |
| Barat | -0.22 (-2.72) | -0.03 (1.30) | 3.68*** (-3.60) | 0.05 (0.10) | 2.11** (-0.04) | 19.34*** (5.34) |

untuk berhijrah masuk ke negeri ini. Bagi hubungan jangka panjang antara migrasi masuk dengan pelaburan domestik pula, didapati hanya Pulau Pinang yang mempunyai hubungan positif jangka panjang dengan migrasi masuk dengan nilai koefisien 3.95. Sementara itu, negeri-negeri lain didapati tidak mempunyai hubungan jangka panjang antara pembolehubah ini. Jika dilihat hubungan di antara migrasi masuk dengan purata pendapatan per kapita, hanya negeri Pulau Pinang yang tidak mempunyai hubungan jangka panjang manakala negeri-negeri lain mempunyai hubungan jangka panjang antara kedua-dua pembolehubah ini. Wujud hubungan jangka panjang yang positif bagi negeri Kedah dan Selangor. Walaubagaimanapun, kedua-dua pembolehubah ini dilihat mempunyai hubungan yang negatif bagi negeri Perlis (-1.79), Perak (-1.88) dan Kuala Lumpur (-8.32). Sementara itu, hanya negeri Kedah yang mempunyai hubungan jangka panjang yang positif antara pembolehubah pengangguran dengan migrasi masuk dengan nilai koefisien sebanyak 1.71 dan signifikan pada aras keertian 10%.

Bagi hubungan jangka panjang yang wujud antara pembolehubah kemiskinan dengan migrasi masuk pula, hanya negeri Selangor yang mempunyai hubungan jangka panjang yang positif dengan koefisien 7.28 dan signifikan pada aras keertian 1%. Manakala bagi hubungan jangka panjang antara tenaga buruh dengan migrasi masuk pula, hanya negeri Perak yang tidak mempunyai hubungan jangka panjang manakala 5 negeri lagi dilihat mempunyai hubungan jangka panjang positif di antara pembolehubah. Jika dilihat kepada jadual 3 (c), bagi kawasan utara, hanya tenaga buruh yang dilihat mempunyai hubungan jangka panjang secara keseluruhan sampel bagi kawasan ini. Namun bagi kawasan di zon barat, didapati terdapat tiga pembolehubah iaitu purata pendapatan per kapita, kemiskinan dan tenaga buruh yang mempunyai hubungan jangka panjang bagi keseluruhan sampel di kawasan ini. Hal ini menunjukkan bahawa guna tenaga buruh bagi kedua-dua kawasan memberi kesan jangka panjang kepada migrasi masuk.

KESIMPULAN

Bagi ujian punca unit bagi kawasan utara dan kawasan barat, didapati kesemua pemboleh ubah adalah signifikan pada aras keertian tertentu bagi bentuk pembezaan pertama untuk konstan dan tren linear. Seterusnya ujian kointegrasi yang dijalankan mendapati wujud kointegrasi hubungan jangka panjang bagi antara pemboleh ubah bagi kedua-dua kawasan ini kerana ujian yang dijalankan dilihat signifikan pada aras keertian tertentu. Manakala bagi Pendekatan FMOLS untuk menentukan hubungan jangka panjang secara individu bagi setiap negeri, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan jangka panjang yang positif antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pelaburan domestik bagi negeri Pulau Pinang yang berada dibawah seliaan NCER (kawasan utara). Hal ini menunjukkan pelan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan berjaya membuka peluang pekerjaan dan menarik minat penduduk untuk berhijrah masuk ke negeri ini. Kuala Lumpur pula dilihat mempunyai hubungan jangka panjang yang positif antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan pelaburan asing. Selain itu, dari purata pendapatan per kapita, migrasi masuk penduduk ke Pulau Pinang bukanlah disebabkan oleh peningkatan pendapatan yang diperolehi. Hal ini disebabkan oleh hanya negeri ini sahaja yang tidak mempunyai hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah migrasi masuk dengan purata pendapatan per kapita penduduk.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi. 1989a. *Migrasi Dalam dan Kesannya Kepada Masyarakat Desa. Di Dalam Penduduk Semenanjung Malaysia: Struktur, Proses dan Masalah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Samad Hadi. 1989b. *Mobiliti Penduduk*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah, H., Bakar, N. A. A., & Hassan, S. 2010. Analysis of FDI Inflows to China from Selected ASEAN Countries: A Panel Cointegration Approach. *16th International Conference on Panel Data*.
- Alonso, W. 1978. A theory of movements. In *Systems Approach To Human Settlements*, edited By N. Hansen. Cambridge: Ballinger.
- Aroca, P. & Maloney, W. F. 2005. Migration, trade and foreign direct investment in Mexico. *The World Bank Economic Review* 19(3): 449-472.
- Asteriou, D. & Hall, S. G. 2007. *Applied Econometrics: A Modern Approach Using Eviews and Microfits*. New York: Palgrave Macmillan.
- Bao, S., Bodvarsson, O. B., Hou, J. W. & Zhao, Y. 2009. The deregulation of people flows in China: Did the structure of migration change? AEA/CES Conferences.
- Bell, M. & Muhidin, S. 2009. Cross-national comparisons of internal migration. Human Development Research Paper 2009/30.
- Buch, C. M., Kleinert, J. & Toubal, F. 2003. Where Enterprises Lead, People Follow? Link between Migration and German FDI. Kiel (Working Paper No. 1190).
- Castles, S., & Miller, M. J. 2003. *The Age of Migration*. London; MacMillan Press Ltd.
- Cebula, R. J. 2005. Internal migration determinants: Recent evidence. *International Advances in Economic Research*, 11(3), 267-274
- Chamrathirong, A. 2007. Research on Internal Migration in Thailand: The State of Knowledge. *Journal of Population and Social Studies* 16(1): 1-20.
- Chitose, Y. 2003. Effects of government policy on internal migration in Peninsular Malaysia: A comparison between Malays and Non-Malays. *International Migration Review* 37(4): 1191-1215.
- Chowdhury, I. A., Haque, N., Kamal, M. M., Islam, T., Khan, M. M., Islam, N. N. & Uddin, I. 2012. Internal migration and socio-economic status of migrants: A study in Sylhet City, Bangladesh. *American Journal of Human Ecology* 1(4): 123-133.
- D'Agosto, E., Solferino, N. & Trai, G. 2006. The Migration and FDI Puzzle: Complements or Substitutes? CEIS (Working Paper no. 90).
- Datuk Faizah Mohd Tahir. 2008. *Population Distribution, Urbanization, Internal Migration and Development*. New York: United Nations.
- Filiztekin, A. & Gokhan, A. 2008. The determinants of internal migration in Turkey. *International Conference on Policy Modelling*. Brussels, Belgium: EcoMod Press 2008
- Fotheringham, A. S. & O'Kelly M. E. 1989. *Spatial Interaction Models: Formulations and Applications*. Kluwer; Dordrecht.
- Harris Kebing. 2001. *Migrasi Desa Ke Bandar: Suatu Tinjauan Ke Atas Pengalaman Masyarakat Kelabit Di Bario*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Haas, H. D. 2010. Migration and development: A theoretical perspective. *International Migration Review* 44(1): 1-41.
- Hart, R. A. 1975. Interregional economic migration: Some theoretical considerations (Part I & II). *Journal of Regional Science* 2 & 3: 127-138.
- International Organization for Migration. 2011. *World Migration Report 2011: Communicating Effectively About Migration*. Switzerland: International Organization for Migration.
- Isserman, A. M., Plane, D. A., Rogerson, P. A. & Beaumont, P. M. 1985. Forecasting interstate migration with limited data: A demographic-economic approach. *Journal of the American Statistical Association* 80: 277-285.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1982. *Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2007). *Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia Martin 21st Century School, University of Oxford.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). *Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). *Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Katiman Rostam. 2006. Migrasi ke kawasan pinggir wilayah metropolitan Lembah Klang. *Akademika* 68: 3-27.

- Katiman Rostam, Mohd Fuad Mat Jali & Aishah @ Esah Hj Mohammad. 2010. Migrasi keluar dan rebakan bandar: Bukti di pinggiran wilayah Metropolitan Lembah Klang, Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 5(2): 184-198
- Kugler, M. and Rapoport, H. 2005. Skilled Emigration, Business Networks and Foreign Direct Investment. CESIFO (Working Paper No. 1455)
- Kugler, M. & Rapoport, H. 2006. Migration and FDI: Complements or Substitutes? CEIS Research Paper, no. 76.
- Lee, E. S. 1966. A Theory of migration. *Demography* 3(1): 47-57.
- Lowry, I. 1966. *Migration and Metropolitan Growth: Two Analytical Models*. San Francisco: Chandler.
- Massey, D., Arango, J., Hugo, G., Kouaouci, A., Pellegrino, A. & Taylor, J. E. 1993. Theories of international migration: A review and appraisal. *Population and Development Review* 19: 431-466.
- _____. 1996. Theories of international migration: A review and appraisal. In *Theories of Migration*, edited by R. Cohen. Cheltenham: Edward Elgar.
- Mohd Fadzil Abdul Rashid & Ishak Ab Ghani. 2007. Migrasi dan kemiskinan bandar: Satu kajian literatur. Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekutaran & Masyarakat 2007, Pulau Pinang
- Napolitano, O. & Bonasia, M. 2009. Determinants of different internal migration trends: The Italian experience. MPRA Paper No.21734
- Norris, R. E. 1972. Migration as spatial interaction. *Journal of Geography* 71(5).
- Pedroni, P. 1996. Fully Modified OLS for heterogeneous cointegration panels and the case of purchasing power parity. *Indian University Working Papers in Economics*. No. 96-020.
- Pedroni, P. 2000. Fully modified OLS for heterogeneous cointegrated panels. *Nonstationary Panels, Panel Cointegration and Dynamic Panels* 15: 93-130.
- _____. 2001. Purchasing power parity tests in cointegrated panels. *The Review of Economics and Statistics*. 83(4): 727-731
- Peeters, L. 2008. *Inter-State Migration in Mexico 1995-2000: A Flexible Poisson Gravity Modeling Approach*.
- Ping, H. & Shaohua, Z. 2005. Internal migration in China: Linking it to development. Working Paper for Regional Conference on Migration and Development In Asia.
- Pirciog, S. 2009. Employment Opportunities As A Driving Force For Internal And External Migration. In 4th International Conference of ASECU "Development Cooperation and Competitiveness". Bucharest Academy of Economic Studied. 22-24 May.
- Rodzli Hashim & Seng, K. S. 2012. *Teks STPM Geografi: Penggal 1*. Selangor: Oxford Fajar.
- Rusly, M. & Nurashikin, A. 2013. *Teks Pra-U Geografi Penggal 1*. Shah Alam: Pearson.
- Saad Mohd Said, Fatimah Said & Sofia Ratna Sari Harahap. 2010. *Migrasi Antarabangsa: Penghijrahan Buruh Indonesia Ke Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Skeldon, R. 1990). *Population Mobility in Developing Countries: A Reinterpretation*. London: Belhaven Press.
- Todaro, M. P. 1980. *Internal migration in developing countries: A Survey*. In *Population and Economic Change in Developing Countries*, edited by Richard A. Easterlin, 361-402. University of Chicago Press: London and Chicago.
- Unit Perancangan Ekonomi. 2012. dicapai di www.epu.gov.my
- Usman Hj Yaakob & Tarmiji Masron. 2010. *Isu-isu Kependudukan Dan Migrasi Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wilson, A. G. 1970. *Entropy in Urban and Regional Modelling*. London: Pion
- Yunita Sari. 2009. Perkembangan migrasi di Pulau Sumatera. *Wahana* 1(1): 1-10.
- Nor Ermawati Hussain*
Sekolah Ekonomi, Kewangan dan Perbankan,
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok Kedah
Malaysia
norermawatihussain@gmail.com
- Norehan Abdullah
Sekolah Ekonomi, Kewangan dan Perbankan,
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok Kedah
Malaysia
norehan@uum.edu.my
- Hussin Abdullah
Sekolah Ekonomi, Kewangan dan Perbankan,
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok Kedah
Malaysia
hussin2141@uum.edu.my

*Corresponding author

